

BAB 4: POLIGON

4.1.1: Menghuraikan sifat geometri poligon sekata menggunakan pelbagai perwakilan.

Ulangkaji:

Bilangan sisi diwakili oleh, **n** (number of sides)

Bilangan bucu sama dengan bilangan sisi!

Oleh sebab itu, $\therefore \text{Bilangan bucu} = n$

Bilangan paksi simetri bagi poligon sekata juga adalah sama dengan bilangan sisi!

Oleh sebab itu, $\therefore \text{Bilangan paksi simetri} = n$

Bilangan pepenjuru boleh ditentukan tanpa melukis pada rajah poligon.

Bilangan pepenjuru = $\frac{(\text{bilangan bucu} - 3) \times \text{bilangan sisi}}{2}$

$$\therefore \text{Bilangan pepenjuru} = \frac{(n - 3) \times n}{2}$$

*Bagi poligon tak sekata, bilangan paksi simetri adalah SIFAR.

*Segi tiga TIDAK mempunyai pepenjuru.

LATIHAN

- ◆ Jadual di bawah menunjukkan ciri-ciri bagi poligon sekata.
- ◆ Isikan tempat kosong dengan nilai yang betul.

Poligon	Nama poligon	Bilangan sisi, (n)	Bilangan bucu	Bilangan paksi simetri	Bilangan pepenjuru
	segi tiga sama sisi	3	3	3	0
					
					
					
					
					

